

Ekonomi Malaysia dikagumi

Oleh HABIBAH OMAR
dan NURUL HUDA HASSAN

PULAU PINANG 17 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, ekonomi Malaysia berada dalam keadaan kukuh dan berkembang dengan baik hasil perancangan terperinci kerajaan.

Perdana Menteri berkata, statistik badan dunia mengesahkan kedudukan itu dan disokong oleh pemimpin-pemimpin industri yang kagum dengan pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, mengikut laporan itu, pencapaian ekonomi Malaysia semakin meningkat dan berada di kedudukan keenam di belakang kuasa dunia iaitu Amerika Syarikat (AS), China, United Kingdom, Jerman dan India.

Mengikut perangkaan itu, katanya, dari segi kecekapan perniagaan, Malaysia berada di kedudukan nombor empat sementa-

ra untuk daya saing pula, negara ini berada pada kedudukan nombor lapan.

"Ini bukan angka saya. (Bila) kerajaan cakap (orang) tak mahu percaya tapi bila orang lain cakap baru percaya. Kita (kerajaan) tidak menipu rakyat.

"Semasa saya pergi ke (Forum Ekonomi Dunia) Davos, Switzerland, ahli perniagaan luar negara bertemu saya dan berkata saya patut berasa gembira kerana ekonomi negara berada dalam keadaan baik.

"Semua pihak cakap macam itu dan kita tidak boleh menipu kerana mereka ini membaca semua (laporan)," kata Perdana Menteri.

Abdullah berkata demikian ketika menjawab soalan mengenai ekonomi Malaysia yang dikemukakan oleh seorang peserta pada majlis perjumpaan Perdana Menteri dengan masyarakat Cina di Dewan Perhimpunan Cina di sini hari ini.

Menurut beliau, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) juga telah meningkat kepada RM504 bilion sehingga tempoh

UM - 18/2/2008
Kita tidak boleh mengawal harga minyak mentah dunia tetapi kita boleh membantu rakyat dengan memberi subsidi bagi mengurangkan beban akibat kenaikan harga minyak

hujung tahun lepas manakala perdagangan antarabangsa pula meningkat daripada RM881 bilion kepada RM1.16 trilion dalam tempoh yang sama.

Pada pertemuan itu juga, Abdullah turut mengambil kesempatan menerangkan mengenai langkah kerajaan membantu rakyat bagi menghadapi kenaikan harga minyak mentah dunia.

Menurutnya, ramai yang beranggapan ekonomi negara tidak berkembang baik apabila berlaku kenaikan harga barang dan petrol.

"Kita tidak boleh mengawal harga minyak mentah dunia tetapi kita boleh membantu rakyat dengan memberi subsidi bagi

mengurangkan beban akibat kenaikan harga minyak.

"Kita bagi subsidi RM40 bilion, cuba fikir apa yang boleh dilakukan dengan jumlah berkenaan kalau kita tak bagi subsidi. Kita boleh belanjakan untuk tambah sekolah, hospital dan memperbaiki segala kemudahan dalam negara," katanya.

Di samping itu, kata beliau, kerajaan menolong mengurangkan beban rakyat dengan membuka peluang lebih banyak pekerjaan termasuk sektor swasta.

Abdullah berkata, semua itu dilakukan kerana kerajaan ingin membantu rakyat dalam usaha menambah nilai bagi menjadikan mereka lebih baik dan berkualiti.

ABDULLAH
AHMAD
BADAWI
Perdana
Menteri